


BAB PERTAMA



Peta 1.1 Kedudukan negara Jepun dalam peta dunia.
Sumber: <http://www.womanstravel.net/tour.html>

BAB 1

KEDUDUKAN TAMADUN, BUDAYA DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT JEPUN

1.1. PENGENALAN

Sejarah penampilan Jepun yang bermula daripada zaman Pra-Jomon iaitu kira-kira 15,000 tahun s.m. telah memperkenalkan Jepun sebagai “negara budaya kota” yang berkembang dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Pra-sejarah ini telah memperlihatkan budaya Jomon dan Yayoi meletakkan asas kepada pembentukan tamadun Jepun seterusnya. Ahli-ahli kaji purba telah menjumpai alat-alat pertukangan batu yang setengahnya berusia 25,000 tahun di beberapa tempat di kepulauan Jepun. Mereka juga menemui beberapa seni tembikar tangan yang sekaligus menyatakan telah wujud budaya berkenaan lebih daripada 1,000 tahun s.m. Pada peringkat ini, penduduk kepulauan Jepun menggunakan alat-alat ketukangan tangan, tinggal di dalam rumah yang digali dalam tanah atau “*pit house*”, memakan ikan mentah serta memburu kijang dan babi hutan.¹

¹ Albert C. Ganley, *Japan : A Short History*, wayside Publishing, New York, 1989, hlm. 10

Kesinambungan budaya Yayoi diikuti oleh zaman Makam atau Kofun, Asuka (552-710), Nara (710-794), Heian (794-1185), Kamakura (1185-1333) dan zaman Muromachi (1568-1600). Dari titik inilah sejarah ketamadunan dan kebudayaan Jepun telah berkembang seiring dengan kronologi sejarah Jepun zaman keshogunan membawalah ke zaman pembaharuan Meiji dan zaman moden. Namun demikian, unsur-unsur luaran dan kepercayaan masyarakat juga menyumbang ke arah pembentukan peradaban Jepun. Menurut W. Scott awal bernasib baik kerana diberi layanan istimewa mengunjungi China semasa pemerintahan Dinasti T'ang. Pemerintahan T'ang mengalu-alukan masyarakat luar China untuk datang dengan pelbagai idea-idea baru.

Justeru itu, ramailah masyarakat luar seperti rakyat Armenia, Korea, Arab termasuk Jepun telah memasuki China. Di samping membawa balik pengaruh kebudayaan China ke Jepun, mereka juga membawa bersama kepercayaan keagamaan seperti Confucianisme dan Buddisme yang sebelum ini di bawa masuk melalui Korea. Percambahan kebudayaan dan kepercayaan telah membentuk gaya hidup masyarakat Jepun disamping perkembangan seni kraf tangan, seni kayu, tembikar, lukisan dan sebagainya.²

² W. Scott Morton. *Japan : Its History and Culture*, David & Charles, Newton, 1970. Hlm. 22.

1. 2. PENGENALAN TAMADUN DAN BUDAYA

1.2.1. Definisi Tamadun

Pelbagai definisi dan konotasi dibuat terhadap pengertian dan konsep tamadun, *Kamus Dewan* mentakrifkan tamadun sebagai keadaan masyarakat yang bercirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain) yang tinggi. Tamadun juga ialah negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran dari segi sosial, budaya, politik dan lain-lain yang tinggi.

Tamadun juga sebagai budaya atau cara hidup orang-orang bagi sesuatu negara, kawasan atau sesuatu zaman tertentu.³ Dengan lain perkataan tamadun bermaksud peradaban. Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi menjelaskan bahawa kata tamadun berasal daripada Bahasa Arab iaitu *Madana* yang bermaksud kehalusan budi pekerti dan akhlak mulia seperti orang kota. Ini bererti kehidupan kota dianggap sebagai kehidupan yang baik dan pencapaian kemajuan di dalam pelbagai aspek termasuk kehalusan budi dan kebendaan.⁴

³ *Kamus Dewan*, Ed. Ke 3, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 180.

⁴ *Kamus Marbawi*, Pustaka Nasional, Singapura, t.t., hlm. 248.

Di kalangan pengkaji Islam, perkataan tamadun berakar-umbi, kepada perkataan *madana*. Ini akan mencetuskan dua konsep iaitu *Madinah* atau “city” or “town” dan *tamadun* atau konsep perbandaran. Dalam kata lain tamadun atau “civilization is sometimes defined as “City – based Culture” or “Culture of the city”⁵ Masyarakat Arab juga menggunakan perkataan tamadun sebagai *hadarah*, walaupun ianya tidak digunakan secara meluas oleh bukan Arab. Masyarakat Turki menggunakan perkataan *medeniyet* dan *medeniyeti* untuk menggambarkan maksud tamadun dalam bahasa Turki. Manakala rakyat Parsi menggunakan istilah *tamaddon* dan *madaniyat* sebagai tamadun.⁶

Ibnu Khaldun mendefinisikan tamadun sebagai *hadarah* yang bermaksud sekumpulan manusia yang tinggal kekal di sesuatu tempat atau kota atau wilayah atau tanah pertanian.⁷ Kurdi Ali dalam bukunya *Al-Islam wa al-Hadarah al-Arabiyah* merujuk tamadun sebagai *hadarah* atau *umran*. *Umran* lebih popular dalam abad ke 14 dan istilah *hadarah* terkenal dalam abad ke 20.⁸

⁵ M. A. J. Beg, *Persepective of Civilization*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 28.

⁶ M. A. J. Beg, *Islamic and western Concepts of Civilization*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 20.

⁷ Ali Md. Isa, *Ilmu Kemanusiaan*, Pusat Pengajian Luar Kampus, USM, t.t, hlm.2.

⁸ M. A. J. Beg, *The Image of Islamic Civilization*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1980, hlm.

Tamadun atau “*Civilization*” membawa maksud meningkatkan pencapaian hidup manusia daripada kemunduran kepada kemajuan dalam bidang ilmu, sains, teknologi, politik, moral dan sebagainya.⁹ “*Civilization*” juga merujuk kepada kemajuan tingkat penghidupan manusia yang meliputi aspek pemikiran dan kebendaan seperti tamadun di Lembah Indus, India dan sebagainya.¹⁰ “*The World Book Dictionary*” mencatatkan *Civilization* sebagai keadaan masyarakat yang bertamadun dan maju dalam pembangunan yang menyamai konsep “*enlightenment*”.

Juga menggambarkan negara dan rakyatnya yang maju, bertamadun dan berkembang dalam aspek kebudayaan “*Cultivation*”. “*Civilization*” juga menggambarkan keadaan kesenangan kehidupan moden atau “*the comforts of modern life, especially in the cities*”, also “*the act of civilizing (that civilizes, promoting civilization)*”.¹¹ Kedudukan “*civilization*” amat penting terutama mengutarakan kesinambungan peradaban sesuatu masyarakat dan tatacara mereka. “*Civilization*” di lihat sebagai

⁹ A. S. Homby dan E. C. Parnwell, *The Progressive English Dictionary*, Oxford University Press, 1972, hlm. 48.

¹⁰ *Kamus Dwibahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 196.

*“the act of civilizing, or state of being civilized,
the state of being refined in manners from the
rudeness of savage life, and improved in arts
and learning”.*¹²

1.2.2. Definisi Budaya

Persoalan budaya atau “*culture*” telah mencerminkan pelbagai pendefinisian tertentu. *Kamus Dewan* menukilkan budaya sebagai tamadun atau peradaban. Juga meliputi kemajuan fikiran, akal budi, meliputi cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya. Budaya juga sesuatu yang bersifat budaya, yang mengenai kebudayaan dan yang sudah maju dari segi akal dan budi. Manakala kebudayaan meliputi keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban dan kemajuan akal budi.¹³ Budaya atau “*culture*” juga merujuk kepada perkembangan kecerdasan manusia dari segi fizikal, daya berfikir, semangat dan lain-lain melalui latihan dan pengalaman. Ia sebagai bukti perkembangan dan kemajuan intelek

¹¹ *The world Book Dictionary*, Doubleday & Company, Inc., Chicago, 1981, Vol. 1, hlm. 505.

¹² *The New Webster Encyclopedia Dictionary of the English Language*, Avenel Book, New York. 1980. Hlm. 150.

¹³ *Kamus Dewan*, hlm. 180.

manusia mengenai seni, ilmu sains dan sebagainya. Budaya merangkumi cara hidup sesuatu masyarakat; kebudayaan; peradaban; dan kemajuan.¹⁴ Seorang pengkaji masyarakat pernah mengatakan.

“Budaya boleh ditafsirkan sebagai satu

himpunan kelengkapan intelek dan kebendaan

yang dapat memenuhi kehendak biologi dan

kemasyarakatan serta dapat menyesuaikan

dengan kehendak sekelilingnya.”¹⁵

Budaya merupakan “*short hand*” kepada masyarakat untuk membina kumpulan seni sosial. Spesifiknya budaya merupakan pemikiran dan tunjuk arah untuk dikongsi bersama oleh masyarakat, meliputi semua peralatan dan kegunaan, institusi-institusi sosial, sikap, tingkahlaku, motivasi dan semua sistem nilai dalam masyarakat.¹⁶ Di antara syarat “*culture*” ialah bahawa budaya merupakan sesuatu yang boleh dipelajari, ia

¹⁴ Kamus Dwibahasa, hlm. 309.

¹⁵ Lihat R. Piddington, *An Introduction to Social Anthropology*, Oliver and Boyd, 2nd. Ed., London, 1952, vol.1. Bab I, Terjemahan ini berdasarkan : “ The Culture of a people may be defined as the sum total of the material and intellectual equipment whereby they satisfy their biological and social needs and adapt themselves to their environment,”

¹⁶ George M. Foster, *Traditional Cultures and the impact of technological change*, Harper & Brothers, New York, 1962, hlm. 11.

mestilah sesuatu yang logik dan saling berkaitan, berfungsi serta memiliki nilai sensitivi
impak. Seharusnya tiap-tiap budaya mempunyai “*value system*”, bersedia untuk berubah
dan tidak statile.¹⁷ *The New Oxford Dictionary* memetik “*Culture*” sebagai usaha
memelihara, membajak dan menilai sesuatu yang berharga seperti mutiara, sutera dan
sebagainya. Lebih jitu dan konstruktif “*culture*” ditakrifkan sebagai,

*“improvement or refinement of mind,
manner, etc, by education training,
condition of being thus trained and
refined; particularly from or type
of intellectual development or
civilization.”*¹⁸

Peraturan berbudaya paling jauh merangkumi kehidupan berkeluarga, hadir dalam
persekitaran kampung, atau dalam hubungan sosial tertentu dalam satu-satu kumpulan
atau negara dan membentuk sebuah dunia. Peradaban purba walaubagaimanapun,
mempunyai lingkungan dominasi atau pengaruh yang terbatas, seperti Greece, China,
Judea dan dunia lain.¹⁹

¹⁷ Ibid.

¹⁸ *The New Oxford Illustrated Dictionary*, Christian Brann Limited, London, 1978, hlm. 201.

¹⁹ Masakazu Yamakazi, “Pembentukan Satu Peradaban asia,” terj. Normala Soufi, Pemikir, Utusan Melayu (M) Bhd, dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Jan-Mac, 1997, hlm. 103.

1.3. KEDUDUKAN BUDAYA DAN PERADABAN JEPUN

Pencernaan budaya dan kepelbagaiannya dalam peradaban Jepun merupakan cetusan unsur “*internal*” dalam tamadun Jepun. Unsur kecantikan umpamanya lebih tertera untuk elemen dalaman kebudayaan tertentu. Ini seperti konsep *Miyabi* atau kehalusan dan kecantikan, *mono no aware* atau seni alam, *wabi* atau selera damai dan *sabi* atau kesederhanaan yang indah, membayangkan sebuah dunia yang mempunyai nilai harmoni dan nilai estetika yang halus.

Menurut Eiichiro Ishida, sumber budaya Jepun berakar-umbi kepada penemuan arkeologi, sejarah, cerita rakyat dan mitodologi yang telah menjelaskan betapa pentingnya zaman perkembangan budaya padi atau “rice – based culture” yang semuanya membentuk budaya *Yayoi*. Bahan-bahan inilah yang membentuk asas bagi menghubungkan bangsa yang kemudiannya dikenali sebagai bangsa Jepun.²⁰ Budaya *Yayoi* yang bercirikan atas pola kehidupan pengeluaran padi sawah secara keseluruhannya berada dalam lingkungan kepulauan Jepun tanpa dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku di dunia luar.

²⁰ Eiichiro Ishida, *Japanese Culture, A Study of Origins and Characteristics*, Teruko kachi, university of Tokyo Prees, Tokyo, 1974, hlm. 46.

Zaman *Yayoi* digantikan dengan zaman *Makam* atau *Kofun* sekitar abad ketiga hingga abad ke enam masihi. Budaya *Makam* bermula semasa zaman pemerintahan Permaisuri Himiko di awal zaman Makam, yang merakamkan penyatuan daerah-daerah dan sejarah bangsa Yamato iaitu nenek moyang kerabat Diraja Jepun sehinggalah sekarang.²¹ Apabila Agama Buddha dibawa masuk ke Jepun, maka bermulalah budaya Buddha melalui penemuan hasil-hasil seperti senibina, arca dan lukisan, era kebudayaan Buddha dapat dilihat semasa zaman *Asuka* (akhir abad keenam dan awal abad ke tujuh), zaman *Hakho* (awal abad ke lapan) dan zaman *Tempyo* (abad ke lapan).

Zaman-zaman ini mencerminkan sikap yang berubah-ubah dikalangan orang Jepun dari segi penerimaan mereka terhadap kebudayaan *China dan Korea*. Zaman nara (710-794) menyaksikan bukan sahaja perkembangan kebudayaan dan seni Buddha, tetapi juga sensitiviti masyarakat Jepun terhadap kehidupan, manusia dan haiwan. Budaya “peperangan harus malah patut dihapuskan” atau “*pasifism*” mula mendapat perhatian khalayak, penderaan tanpa had mula dihapuskan dan budaya diet dengan menggunakan ikan telah menggantikan memakan daging yang lain.²²

Seni ungkapan sajak juga menyaksikan zaman Nara mendedahkan kepada situasi perubahan tahap pembudayaan yang tinggi. Pemyajak wanita zaman Nara menulis sajak *Manyoshu*;

²¹ Ibid, hlm. 66.

²² Albert C. Ganley, Japan : A Short History, hlm. 24.

“Gazing at the hand you squeezed when

we were heart to heart pledging the love

of a myriad years, I am overwhelmed

with longing. The pine bloom, though you

overlook it. Among the mass of blossoms,

Blow now in vain”²³

Budaya zaman *Heian* atau zaman *Fujiwara* (794-1185) dipengaruhi unsur-unsur budaya *T'ang* selama seratus tahun dan diadaptasikan sebagai budaya baru Jepun yang berasingan. Pada tahap ini, kedudukan wanita setanding dengan kedudukan kaum lelaki dari segi ekonomi mahupun kebolehan penghasilan seni halus yang tinggi. Zaman *kamakura* (1185-1333) mewarnai proses pembudayaan Jepun dalam tamadun. Pada peringkat ini pemerintahan tentera dan evolusi feudalisme mula mendapat tempat.

²³ Sumber : Nippon Gakujutsu Shinkokai, *The Manyoshu*, translation of one Thousand Poems, Columbia University Press, 1965, hlm. 115-116, 281, 285 – used by permission.

Penganut Buddhisme telah berkembang kepada beberapa kumpulan termasuklah puak Tanah Tulen atau "*Pure Land*", *Nichieren* dan *Zen Buddhism*. Zaman muromachi, menyusul antara tahun (1333-1568) dengan pentadbiran Kesgogunaan Ahikago berpusat di Kyoto. Pada zaman ini juga menyaksikan pengaruh Zen telah membentuk budaya istimewa peradaban Jepun.²⁴ Pembudayaan Jepun masih ketara dalam pentadbiran Jepun melalui zaman Azuchi – Momoyama (1568-1600), di mana berlakunya penyatuan negeri Jepun di bawah Hobunaga, Hideyoshi dan Ieyasu Tokugawa.

Pada peringkat budaya Jepun dipengaruhi oleh pengaruh agama Kristian yang di bawa masuk dengan kedatangan bangsa Eropah ke Jepun. Pemerintahan Tokugawa (Edo) antara tahun (1600-1869) menyaksikan keluarga Tokugawa menguasai kerajaan dan masyarakat. Zaman ini menyaksikan ajaran Confucious dalam bentuk baru telah diperkenalkan, sementara agama Kristian telah diharamkan. Ini disebabkan oleh dasar pemencilan Jepun. Pemerintahan Taisho (1912-1926) dan Showa berikutnya memperlihatkan pentadbiran kerajaan secara berparti, di mana masalah ekonomi dan sosial serta makin tidak terarah. Ini disebabkan oleh berlakunya peperangan Pasifik dan pendudukan Amerika ke atas Jepun.²⁵

Kebudayaan dan proses pembudayaan serta peradaban Jepun amat menarik untuk dipertanyakan. Ini antara lain kerana inti atau pusat "budaya" jepun masih mempunyai jati diri walaupun melalui beberapa proses asimilasi dengan budaya pendatang atau

²⁴ Lihat juga Suzanne Gay, "Muromachi Bakuto Ruke in Kyoto : Administrative and Jidicial Aspects," *The Bakufu In Japanese History*, ed. Jeffrey P. Mass and william B. Hauser, Stanford University Press, California, 1985, hlm. 49-50.

²⁵ Eiichiro Ishida, hlm. 141-142.

penjajahan budaya. Mahara Meiji umpamanya, baginda adalah simbol kepada pemodenan Jepun. Semasa pemerintahannya timbul cogan kata “Enrich the nation and strengthen His arm”, menggesa untuk pembangunan industri dan dalam masa yang sama memaksimumkan kepenggunaan sumber manusia, meningkatkan tahap sosial dan politik.²⁶ Dengan lain perkataan, sementara mencanangkan pembangunan industri, nilai-nilai jati tetap dipertahankan. Kajian kebudayaan Jepun mendapati terdapat ciri jati diri istimewa masyarakat Jepun seperti yang terdapat dalam buku *Kokumin-sei jukko* atau sepuluh syarahan watak nasional

Jepun tulisan Yaichi Hara²⁷ dalam tahun 1907. Antaranya ialah taat setia kepada ketua dan cintakan tanahair, menyanjung nenek moyang dan menghormati nama keluarga, bersifat realistik dan bersemangat duniawi, sayangkan tumbuh-tumbuhan, bunga dan alam semulajadi, sifat ringkas dan kemas, sifat segar dan asli, cinta kebersihan dan kesucian serta sifat baik dan murah hati.²⁸ Budaya dan tradisi Jepun seperti Tradisi Endogami atau “Endogamous Tradition” atau adat perkahwinan sesama puak atau suku bangsa sendiri, kestabilan Terpencil “Secluded stability”, Budaya Lingkungan Padi “Rice-Growing Culture”, Budaya Ketanahan “Agrarian Culture”²⁹ dan sebagainya meletakkan kejituan budaya Jepun dalam konteks peradabannya sendiri.

²⁶ M. A. J. Beg, *Persepektif of Civilization*, hlm. 14.

²⁷ Eiichiro Ishida, hlm. 107.

²⁸ Terjemahannya diambil dari pengenalan kepada karya A.L. Sadler yang berjudul *A Short Story of Japan*, Angus & Robertson, London, 1963.

²⁹ Eiichiro Ishida, *op. Cit.*, hlm. 110, 111, 112, 113.

1.4 PENGARUH AGAMA DALAM PERADABAN JEPUN.

1.4.1. Shinto.

Perkataan *Shinto* berasal daripada dua perkataan China iaitu Shin iaitu semangat atau "*spirit*" dan "*to*" ialah jalan atau "*way*". Ungkapan ini ini disebut "*way of the spirits or way of the Gods*" atau *Kami* atau *Kami-No-Michi*.³⁰ *Shinto* adalah agama dan kepercayaan turun temurun masyarakat Jepun. Selepas pengaruh Buddhisme memasuki Jepun pada abad ke enam, tuhan-tuhan *Shinto* telah dikenali sebagai dewa-dewa kepercayaan Buddhisme. Asimilasi Buddhisme dalam kepercayaan *Shinto*, menyebabkan *Shinto* dijadikan agama negara, yang bertujuan menyemai perasaan nasionalisme dan patriotisme di kalangan masyarakat.³¹ Kepercayaan *Shinto* merupakan bentuk penyembahan terhadap sebahagian alam semulajadi seperti gunung, bukit dan pemujaan terhadap air terjun.

³⁰ Ninian Smart, *Religions of Asia*, Prentice Hall Inc., New Jersey, 1939, hlm. 229.

³¹ Rudolph Schwartz, Harold E Hammond and Adrian Ruggiero, *Japan Korea Taiwan*, Globe Book Company, Inc., New York, 1981, hlm. 24.

Kepercayaan terhadap kekuasaan semulajadi ditokok tambah dengan bentuk penyembahan kepada tuhan-tuhan samaada di langit atau di bumi. Kepelbagaian tuhan ini disebut "*Kami*".³² Konsep *Kami* disebutkan,

*" the term Kami is applied in the first place
to the various denies of heaven and earth
who are mentioned in the ancient records,
as well as their spirits (mitama) which
reside in the shrines where they are
worshipped....."*³³

shinto tidak mempunyai kitab suci atau doktrin yang spesifik. Ia adalah kepercayaan semulajadi terhadap sesuatu objek seperti batu-batu, gunung-gunung, sungai, perubahan keadaan luar biasa seperti angin, panas dan ribut. Keadaan ini berlaku sejarah awal masyarakat Jepun bekerja di sektor pertanian, yang bergantung kepada objek-objek di atas semasa mengusahakan pertanian. Sebarang perubahan atau kejadian memberi kesan yang besar kepada mereka sebagai pengusaha tani.

Oleh kerana itu, masyarakat Jepun percaya kepada konsep ketuhanan berasaskan penyembahan "*spiritual*" terhadap alam.³⁴ Konsep *kami* meliputi manusia kadang-kadang mengenai ribut petir, mengenai naga, angin dan serigala serta sesuatu yang

³² Paul Bernstein and Robert W. Green, *History of Civilization*, Adams & Co., New Jersey, 1965, Vol.1, hlm. 189.

³³ Sakamaki Shunzo, " Shinto: Japanese Ethno-Centrism", *The Japanese Mind, essentials of Japanese Philosophy and Culture*, ed. Charles A. Moore, An East-West Center Book, Honolulu, 1967, hlm. 189.

³⁴ Rudolph Schwartz,, et al. *Japan Korea Taiwan*, hlm. 25.

berguna. Konsep ini diasaskan kepada *Nihon* (Chronicles of Japan) dan *Manyoshu* (Collection of Myriad Leaves) dan antologi daripada puisi-puisi lama yang berkisar kepada objek harimau dan serigala. Cerita *Izanagi* menyumbangkan buah-buahan kepada seorang perawan, permata yang mengelilingi lehernya juga manifestasi kepada *kami*. Pendekata semua perkara di laut dan digunung adalah *kami*.³⁵

Sejak abad ke tujuh, agama *Shinto* telah berkembang pesat dan diterima umum. Ia merupakan satu bentuk kepercayaan yang bukan sahaja diterima baik oleh rakyat Jepun, malah Maharaja Jepun mengiktiraf *Shinto* sebagai warisan ketuhanan daripada *Amaterasu Omikami* “*The Sun Goddess*”.

Oleh sebab itu *Shinto* telah dijadikan agama negara, pembentuk peradaban Jepun dan mempunyai pengaruh terhadap pemerintahan sami-sami *Shinto* mendapat tempat istimewa daripada Maharaja. Hari ini kedudukan *Shinto* masih berpengaruh dan ia menjadi simbul kepada keunikan kepercayaan masyarakat Jepun.³⁶ Masyarakat yang menyertai upacara *Shinto* akan menghayati dan melakukannya dengan penuh kerelaan serta penghormatan.

1.4.2 Agama Buddha.

Agama Buddha berasaskan kepada ajaran siddhartha gautama , seorang anak raja India (563-483 s.) yang hidup dalam serba kemewahan. Ketika berumur 29 tahun, beliau

³⁵ W.G.Aston, *Shinto : The Way of the Gods*, Loughman, Green & Co., London, 1905, hlm. 8-9.

³⁶ Rudolph Schwartz,, et al., hlm. 26.

melihat keadaan orang tua, orang sakit dan orang mati. Ini menyebabkan beliau meninggalkan istana dan mengembara mencari jawapan sebenar tentang kehidupan. Akhirnya beliau menemui jawapan di bawah pohon *Bo* di Boghgaya.³⁷ Agama Buddha telah di bawa masuk ke Jepun kira-kira pada tahun 550 melalui Korea, sebagai salah satu usaha mengukuhkan elemen tamadun China di Jepun. Ini telah diterima baik dan Shotoku Taishi (523-621) telah mengarahkan supaya *Buddhisme* diterima amal sebagai satu agama. Sejak itu elemen agama ini telah bercantum dengan *Shinto* yang pada mulanya ditentang oleh pengikut agama *Shinto*.

Tibet dikatakan tempat penganut atau dewa agama ini berkembang. Terdapat dua buah sekolah yang mengajar agama ini. Amenjelang abad ke 9, penggabungan dua agama ini dinamakan *Ryobu-Shinto*. *Ryobu-Shinto* bukan sahaja penggabungan luar biasa dua agama, malah telah bertahan untuk seribu tahun kemudian.³⁸

Pengaruh *Buddhisme* dalam peradaban Jepun terserlah dengan kehadiran beberapa buah sekolah atau unsur ideologi dari pelbagai dimensi. Doktrin *Zen Buddhism* telah menekankan soal meditasi, disiplin serta *jalan kehidupan* yang menuju kearah kecemerlangan. *Doktrin Zen* berkembang dan mendapat sambutan dikalangan Samurai terutama bentuk *Rinzai*. *Rinzai* memang terkenal dengan ungkapan “ *Rinzai is for a*

³⁷ “ Empat Kebenaran Mulia” ajaran buddha ialah *Pertama*, Kesengsaraan dan kepahitan hidup adalah lumrah alam, semua yang hidup harus menghadapi umur tua, penyakit dan mati. *Kedua*, Kesengsaraan berpunca daripada nafsu untuk memperolehi kekayaan dan keseronokan yang sementara, *ketiga*, cara mengelakkan kesengsaraan ialah dengan mengatasi nafsu dan *Keempat*, cara untuk mensamatkan kesengsaraan ialah dengan “ *Jalan Lapan Lapis Mulia*” atau “*The Eightfold Path*”.

general and Soto for a farmer “. Untuk tujuan ini Zen mendahului kepercayaan terhadap Bushido “*the way of the warrior*”. Ini membantu golongan Samurai untuk mendalami doktrin dalam agama Buddha. Doktrin Zen tidak hanya merangsang unsur dan sentiviti dalaman Jepun sahaja tentang kecantikan “*mono-no-aware*” tetapi juga meliputi pelbagai aspek. Seperti juga doktrin *Ch’an* di China, doktrin *Zen* terutama di akhir pemerintahan Kamakura telah menyerapi dalam seni bina, seni ukir dan seni pahat, mengecat, seni tulisan tangan, seni tembikar, seni puisi dan musile.³⁹ Pendekatan doktrin Zen Buddhisme telah menyerapi tamadun dan peradaban Jepun dalam beberapa tempoh termasuk zaman-zaman *Nara* hingga *Muromachi* dan selepasnya.

1. 4.3. Agama Kristian.

Menurut kepercayaan Kristian, agama ini diasaskan oleh *Jesus Christ* yang dilahirkan di bandar *Bethlehem* di Selatan Palestin. Semasa berumur 30 tahun Jesus mula menyebarkan ajarannya untuk membela Bani Israel.⁴⁰ Agama Kristian di bawa masuk ke Jepun dalam tahun 1549 oleh Francis Xavier. Selepas dua tahun beliau menjalankan

³⁸ Edward Conze, *A Short History of Buddhism*, George Allen & Unwin, t. tp., 1980, hlm. 94. Lihat Ellchiro Ishida, *Japanese Culture*, hlm. 91.

³⁹ Ibid, hlm. 114. Lihat juga William H. Forbis, *Japan Today: People, Place Power*, Charles E. Tuttle Comp[any, Tokyo, 1975, hlm. 99-100.

⁴⁰ Nama Christ berasal daripada perkataan Yunani iaitu *Christos* yang bererti *Penyelamat*. Antara ajaran Christ ialah “cintalah Tuhan dengan sepenuh ragamu dan cintalah jiranmu seperti kamu mencintai dirimu sendiri”. Pengikutnya mengembangkan ajaran Kristian ke seluruh Empayar Rom yang membawa kepada Maharaja rom iaitu Cinstanline memeluk Kristian pada tahun 323 M. Inilah titik permulaan dalam penyebaran Kristian ke seluruh dunia.

gerakan Kristian di Jepun, ramai Mubaligh Kristian telah mengunjungi Jepun di samping menjalankan perniagaan barangan dari Portugis.

Mereka mengendalikan majlis pengkristianan melalui kerja-kerja amal dan bantuan perubatan kepada rakyat tempatan. Dalam sepucuk surat ke Eropah selepas tiga bulan tiba di Kagoshima, Francis Xavier berkata:

“ There are two different types of religion. They would say that Buddhism and Shinto are religions of the mystical type, and that christianity is the prophetic type. It is not that Buddhism and Shinto are not od date or undeveloped, or do not have an effective moral cocle, but that they are a different kind of religion.”⁴¹

Agama Kristian berjaya berada dalam peringkat tertinggi dalam pentadbiran *Keshogunan* Jepun. Namun terdapat usaha-usaha daripada mazhab dalam kristian yang bersaing di antara mereka dan ini sedikit sebanyak melemahkan Kristian itu sendiri.

⁴¹ Kishitomo Hideo, “Some Japanese Culture Traits and Religions”, *The Japanese Mind; Essentials of Japanese Philosophy and Culture*, ed. Charles A. Moore, hlm. 117.

Penganut Kristian tertekan dalam peristiwa *Shimabara* pada tahun 1638 di mana 30 000 penganut Kristian terlibat.⁴²

1.4.4. Ajaran Confucianisme.

Confucianisme berasaskan ajaran Confucius (551-479), Beliau yang kematian bapanya semasa kecil hidup dalam kesusuahan. Akibatnya beliau berjaya menjadi guru dan pegawai kerajaan serta mahir tentang *li*, iaitu susunan tingkah laku yang baik.⁴³ Ajaran Confucianisme merupakan dogma-dogma agama, tetapi ia lebih cenderung ke arah falsafah, etika atau “*value*” dan “*politician teaching*”.

Di Jepun ajaran Confucianisme berkembang dan dipraktikkan dalam bentuk formal iaitu melalui pendidikan dan pengajaran nilai serta pengalaman budaya berpolitik. Ini jelas kelihatan terutama menjelang abad ke enam hingga abad kesembilan, iaitu semasa pemerintahan Edo (1600-1868), Meiji (1868-1912), Toisho (1912-1926) dan permulaan pemerintahan Showa (1926-1945).⁴⁴

⁴² Lihat *Cultures of the World Japan*, time Edition Pte. Ltd., singapore, 1990, hlm. 68.

⁴³ Ajaran Confucius terkumpul dalam buku klasik *Analekta* atau *Lunyu* dalam bahasa China atau *Rongo* dalam bahasa Jepun. Ajarannya dirumuskan dalam konsep *Jen* iaitu ajaran yang menekankan perasan perikemanusiaan terhadap orang lain dan harga diri yang bersandarkan kepada budibahasa, kemurahan hati, amanah, kerajinan dan sifat baik.

⁴⁴ *Kodansha Encyclopedia of Japan*, Kodansha Ltd., Tokyo, 1983, Vol.III, hlm. 306.

Ajaran Confucianisme yang dibawa masuk ke Jepun menekankan unsur-unsur perpaduan kekeluargaan, ketaatan kepada ibubapa dan kesetiaan kepada raja dan pihak berkuasa. Ini akan menyamai semangat untuk melakukan kebajikan pada semua peringkat. Ajaran ini memberi hak kepada orang lelaki Jepun yang sebelum ini kedudukan wanita jauh lebih mulia. Tetapi masyarakat Confucianisme Jepun dapat menerima unsur ini dengan baik.⁴⁵ Ajaran Confucianisme telah membentuk masyarakat Jepun yang bersopan santun dan menghormati ibu bapa serta golongan tua. Nilai inilah masih terpancar dalam amalan dan peradaban Jepun hingga hari ini.

1.5. Penutup.

Pengekalan budaya dan peradaban Jepun sejakberkurun melalui pelbagai cabang seni budaya mengundang pelbagai kajian mengenainya. Rentetan sejarah pra Jepun membawalah kepada pemodenan Jepun, jelas memperlihatkan kesinambungan Kebudayaan jepun masih relevan dan diamalkan hingga kini. Faktor-faktor keunikan, nilai fahan tradisi, jati diri yang ketara dan semangat Jepun kita, membolehkan pengekalan tahap budaya mereka. Dr. *takasuku Junjira menyatakan konsep “ Culture of the Blood”* atau “*Japanese Spirit*” mengutamakan kesepaduan antara budaya dan intelektual akan mewujudkan konsep saling bergantung dan keharmonian.⁴⁶ Kekukuhan budaya Jepun berasakan kepada nilai tambah “*value added*” masyarakat

⁴⁵ Edwin O. Reishauer and Albert M. Craig, *Japan, Tradition and Tranformation*, Allen & Unwin, Sydney, 1989, hlm. 26.

⁴⁶ Maekawa Kiyoshi dan Kiyooka Eiichi, ptrj., *The New japanese and the Buddhist View on the Nationality*, Hakuseido Press, Tokyo, 1938, hlm. 41.

Jeon terhadap variasi kepercayaan sama ada Shinto, Buddhisme, Confucianisme atau kepercayaan lain. Etika kepercayaan masyarakat Jepun meletakkan asas yang kukuh dalam *pembinaan budaya* dan pemikiran Dr. Kenneth Saunders menyebutkan:

“Confucius would have been surprised

if he had know how the Japanese

adapted his virtue of loyalty to the

glorification of warriors and feudal

chieffains over scholars and philosopher’s”.⁴⁷